

05 SEP 2002
Khalil-Pelan

UMNO SEDIA PELAN TINDAKAN TANGANI PENGUNDI HANTU DAN IMPORT

KUALA TERENGGANU, 5 Sept (Bernama) -- Umno akan menyediakan pelan tindakan yang akan dilaksanakan oleh Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang bagi menangani masalah pengundi hantu dan pengundi import, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Beliau berkata Jawatankuasa Tetap Majlis Tertinggi Umno yang dipengerusikan oleh Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak bertanggungjawab untuk menyiapkan pelan tindakan berkenaan.

"Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meminta Najib untuk menyiapkan pelan tindakan menyeluruh untuk dikaji dan diteliti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan hari terbuka Radio Malaysia Terengganu di sini hari ini.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman semalam mengenai pengundi import iaitu pemilih dari luar yang berdaftar di sesebuah kawasan.

Khalil berkata kajian oleh jawatankuasa tetap itu akan membabitkan cadangan berhubung tindakan yang perlu diambil bagi menghalang berlakunya pengundi hantu dan import.

Beliau berkata pelan tindakan itu akan menjadi panduan kepada Umno dan BN untuk menangani masalah tersebut.

"Cara mana kita bertindak kita akan berpandukan pelan tindakan itu untuk Umno dan meliputi BN yang akan disiapkan dalam masa yang singkat," katanya.

-- BERNAMA

MRA MOZ